

12 OCT 1999

Australia-Timor

TIADA MOTIF TERSEMBUNYI DI TIMOR TIMUR, KATA AUSTRALIA

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Australia yang dikritik oleh Malaysia kerana caranya menangani keadaan di Timor Timur hari ini mempertahankan peranannya di wilayah itu dengan berkata "tidak ada motif tersembunyi".

"Saya ingin menegaskan kepada Malaysia bahawa dalam soal ini, Australia tidak mempunyai motif tersembunyi dan kami mendapat mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," kata Persurujaya Tinggi Australia ke Malaysia Robert Cotton.

Beliau juga menegaskan bahawa hubungan antara Kuala Lumpur-Canberra adalah "baik, mendalam dan positif".

"Saya berpendapat bahawa hubungan itu adalah cukup kukuh bagi menanganinya (isu Timor Timur)," katanya.

Cotton hari ini mengadakan persidangan media di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Australia di sini bagi memberi taklimat mengenai peranan Australia yang mengetuai tentera pelbagai negara PBB bagi mengembalikan keamanan di Timor Timur.

Ketika ditanya mengenai laporkan Reuters semalam yang memetik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata dalam ruang bulanannya di akhbar Jepun "Mainichi Daily" bahawa Timor Timur akan menjadi "Vietnam Australia", Cotton berkata: "Operasi ini (di Timor Timur) mendapat mandat PBB. Operasi di Vietnam tidak."

Bagaimanapun beliau menegaskan bahawa tidak ada halangan dalam hubungan antara Malaysia dan Australia meskipun terdapat banyak kritikan daripada para pemimpin parti pemerintah dan pembangkang mengenai isu-isu sensitif, termasuk Timor Timur serta juga dengan apa yang dipanggil "Doktrin Howard".

"Doktrin Howard", yang dikatakan dicadang oleh Perdana Menteri Australia John Howard bertujuan memberi ruang kepada Australia menjadi pembantu kepada Amerika Syarikat dalam menjaga keamanan di Asia.

Howard menafikan terdapat "Doktrin Howard" dan menegaskan Australia tidak meminta sebarang peranan sebagai pembantu kepada Amerika.

Sambil mengulangi kenyataan Howard, Cotton berkata: "Australia tidak mahu menjalankan peranan sebagai polis di rantau ini...juga kita tidak melihat Amerika memegang peranan sebagai polis di rantau ini."

"Kami melihat rantau ini perlu bekerja bersama-sama bagi mencapai tujuannya. Kami adalah negara yang terbabit di rantau ini dan kami percaya bahawa kami terbabit di rantau ini dengan tujuan yang sebenar dan mendapat mandat PBB," katanya.

Cotton berkata kerajaannya mengemukakan maklumat kemaskini mengenai keadaan di Timor Timur kepada negara-negara lain termasuk negara anggota Asean iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Ditanya sama ada Australia akan menyambut baik kehadiran Asean yang kuat di Timor Timur, Cotton berkata kehadiran bilangan anggota tentera yang besar dari negara-negara Asean memang dijangkakan dan akan mengetuai operasi pengaman pada peringkat berikutnya di Timor Timur "yang juga akan memenuhi kehendak Australia."

"PBB akan memutuskan siapa yang akan memimpin pada peringkat seterusnya," katanya.

Mengenai isu dua hala, beliau berkata Malaysia dan Australia mempunyai "perbezaan pendapat" pada masa lepas tetapi kedua-dua negara berupaya menanganinya.

"Kita mempunyai kepentingan yang serupa (tetapi) ini tidak bermakna

kita mencapai matlamat yang sama meskipun kita menggunakan jalan yang sama.
"Tetapi, kita memahami memang ada perbezaan," kata Cotton.
-- BERNAMA
ES LAT MAI